



English



Moratorium bayaran balik pinjaman dianggarkan RM66.6 bln setakat 31 Julai – Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 11 OGOS 2020



KUALA LUMPUR, 11 Ogos – Nilai moratorium bayaran balik pinjaman institusi kewangan yang berkuatkuasa sejak 1 April, 2020 lalu, dianggarkan berjumlah RM66.6 bilion setakat 31 Julai, 2020, demikian menurut Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Beliau berkata daripada jumlah ini, RM23.3 bilion telah dimanfaatkan oleh sektor perniagaan manakala jumlah yang dimanfaatkan oleh rakyat bernilai RM43.3 bilion.

“Menjelang tamatnya moratorium secara umum pada 30 September ini, institusi perbankan terus bersedia untuk membantu peminjam yang terjejas akibat COVID-19 melalui moratorium lanjutan dan bantuan bank bersasar,” kata beliau.

Tengku Zafrul berkata demikian dalam Laporan LAKSANA ke-16 mengenai Pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang dikeluarkan di sini hari ini.

Menteri Kewangan itu menambah untuk individu yang kehilangan pekerjaan pada tahun 2020 dan masih belum mendapat pekerjaan baharu, akan menikmati moratorium lanjutan bersasar untuk tempoh tiga bulan.

“Selepas tiga bulan, tempoh moratorium boleh dilanjutkan oleh bank-bank bergantung kepada situasi individu masing-masing,” jelas beliau.



Pihak terkesan boleh menghubungi institusi perbankan mulai 7 Ogos, 2020 untuk berbincang dan memohon fleksibiliti pembayaran balik, kata Tengku Zafrul.

Maklumat lanjut boleh didapati di www.facebook.com/bnm.official.

[Bernama](#)

[Siaran Media](#)

[Koleksi Ucapan](#)

[Petikan Akhbar](#)

[Foto](#)

[Video](#)

[Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

- [BERNAMA](#)
- [HARGA MINYAK](#)
- [PRICE OF PETROLEUM](#)
- [TENGGU ZAFRUL](#)
- [BANTUAN PRIHATIN NASIONAL](#)
- [KWSP](#)
- [I-SINAR](#)
- [SINAR HARIAN](#)
- [JELAJAH BELANJAWAN 2021](#)
- [PRIHATIN MOF](#)
- [PERMAI](#)
- [BERITA HARIAN](#)